

# Angkasa majukan ternakan lembu tenusu



ABDUL FATTAH ABDULLAH bersalaman dengan Pengerusi NACF, Kim Byeong Won (dua dari kiri) pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Angkasa dengan Koperasi Pertanian Kebangsaan (NACF) di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, di sini hari ini. Turut kelihatan, Naib Presiden Angkasa, Kamarudin Ismail (kanan) dan Naib Presiden Eksekutif NACF, Kim Young Soo (kiri). UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

## [Siti Norhawa Mohd. Ali](#)

17 November 2017 3:00 AM

KUALA LUMPUR 16 Nov. - Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan menggunakan kepakaran Persekutuan Koperasi Pertanian Kebangsaan (NACF) Korea Selatan bagi membangunkan program ternakan lembu tenusu koperasi di negara ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, melalui kerjasama tersebut pihaknya berharap dapat meningkatkan pengeluaran susu lembu keluaran koperasi memandangkan Korea Selatan adalah pengeluar susu lembu ketiga terbesar dunia.

Katanya, koperasi-koperasi harus merebut peluang yang dihasratkan kerajaan menjelang 2020 dengan sasaran pengeluaran susu meningkat daripada 67 juta liter kepada 118 juta liter setahun berbanding pengeluaran semasa sebanyak 26 juta liter yang masih jauh daripada mencukupi.

“Diharapkan kerjasama ini menjadi titik permulaan bagi pembangunan industri tenusu yang lebih produktif dan mampu meningkatkan pendapatan koperasi dalam masa yang sama dapat membantu anggota-anggota koperasi.

“Kejayaan NACF menghasilkan lembu tenusu yang menghasilkan susu melebihi 20 liter sehari bagi seekor lembu di Uganda harus menjadi pemangkin kepada Angkasa dan koperasi bagi memastikan projek ini berjaya dan akhirnya memberi manfaat kepada negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Angkasa dan NACF di sini hari ini. NACF diwakili oleh Pengerusinya, Kim Byeong Won.

Abdul Fattah berkata, melalui perjanjian tersebut, NACF akan membekalkan sperma lembu tenusu baka baik kepada pihak Angkasa di samping kerjasama dalam bidang pembangunan ternakan.

“Bulan depan kita akan terima 1,500 straw sperma daripada baka lembu Korea Selatan dan dalam satu straw terdapat 500,000 sel sperma manakala lembu induk dari Australia dan New Zealand sebanyak 220 ekor dijangka sampai pada Januari tahun depan.

“Kini pengeluaran susu dalam negara hanya sebanyak 5 peratus dan yang lain adalah susu import. Manfaat pengeluaran susu itu dijangka diperolehi kurang daripada setahun selepas sperma dan lembu disenyawakan,” katanya.